



**TEKS UCAPAN  
YANG AMAT BERHORMAT  
DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) ABANG HAJI ABDUL RAHMAN  
ZOHARI BIN TUN DATUK ABANG HAJI OPENG  
PREMIER SARAWAK**

***SEMPENA***

**MAJLIS PERHIMPUNAN SAMBUTAN  
PERAYAAN HARI KEBANGSAAN KE-66  
PERINGKAT SARAWAK 2023**

**31 OGOS 2023, 11.00 PAGI  
DEWAN POLITEKNIK MUKAH**

## **PENDAHULUAN**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur dan  
Salam Malaysia Madani

### **UCAPAN KEPADA TUAN YANG TERUTAMA**

1. Tuan Yang Terutama, Pemangku Yang Di-Pertua Negeri Sarawak, Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Mohamad Asfia bin Awang Nassar serta Yang Berbahagia, Puan Sri Dato Hajjah Fatimah binti Haji Mohd Iskandar
2. Bagi pihak rakyat jelata, saya menjunjung kasih dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Pemangku Yang Di-Pertua Negeri Sarawak serta Puan Sri di atas kehadiran bersama rakyat sekalian untuk meraikan Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Sarawak 2023 pada pagi ini.
3. Kehadiran Tuan Yang Terutama Tan Sri pagi ini memberi erti yang amat besar lebih-lebih lagi atas komitmen Tuan Yang Terutama Tan Sri untuk berada di samping rakyat pada pagi ini.

4. Tuan Yang Terutama Tan Sri, sekarang saya mohon untuk berucap kepada hadirin sekalian.

## **UCAPAN KEPADA RAKYAT**

### **(SALUTATION)**

- YB Timbalan-Timbalan Premier
- YB Menteri-Menteri
- YB Timbalan-Timbalan Menteri
- YB Ahli-Ahli Parlimen dan DUN

### **PENGENALAN**

5. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama berhimpun di Dewan Politeknik Mukah pada pagi ini bagi bersama-sama meraikan Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri serentak dengan sambutan Peringkat Kebangsaan di Putrajaya.

6. Sesuai dengan tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2023 yang diangkat iaitu "Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan", sama-sama kita mendoakan agar negara Malaysia terus stabil dengan rakyatnya terus berusaha untuk mengukuhkan perpaduan kerana keharmonian rakyat adalah tonggak kemajuan negara.

7. Rakyat Malaysia harus menghayati makna sebenar kemerdekaan yang membawa makna kebebasan untuk menentu hala tuju dan untung nasib kita sebagai sebuah negara bangsa yang berdaulat.

## **KEMERDEKAAN TANAH MELAYU, PENUBUHAN MALAYSIA**

8. Enam puluh enam tahun (66) tahun yang lalu rakyat Malaysia di Semenanjung berbekalkan semangat hormat menghormati dan sikap bertolak ansur telah membuat tekad untuk menuntut kemerdekaan daripada pihak British. Seperti yang kita sedia maklum di bawah kepimpinan Tunku Abdul Rahman Putra AlHaj, Perdana Menteri pertama Malaysia dan Bapa Kemerdekaan Malaysia, Malaya bebas daripada belenggu penjajahan pada 31 Ogos 1957.

9. Saya ingin menekankan bahawa kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 adalah sama penting dengan kemerdekaan Sarawak pada 22 Julai, 1963 kerana ia telah mencetuskan idea dan usaha untuk menggabungkan Tanah Melayu dengan Sarawak dan Sabah, termasuk Singapura untuk menubuhkan sebuah negara baru pada 16 September 1963 yang dinamakan Malaysia.

10. Para pemimpin Sarawak pada ketika itu bersetuju untuk bergabung dengan wilayah-wilayah lain untuk menubuhkan Malaysia demi memelihara keselamatan negeri ini daripada kuasa dan pengaruh ideologi asing dengan syarat-syarat tertentu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

## **PENGISIAN KEMERDEKAAN, PENCAPAIAN EKONOMI MALAYSIA**

11. Dalam tempoh 66 tahun, walaupun masih terdapat banyak ruang untuk mengisi erti kebebasan dan kemerdekaan kita, tidak dapat dinafikan bahawa banyak kemajuan telah dicapai oleh negara dan Sarawak sebagai sebahagian daripada Malaysia jika dibandingkan dengan negara-negara lain di rantau ini.

12. Negara ini telah berjaya mempelbagaikan ekonominya daripada sebuah ekonomi pertanian dan komoditi kepada ekonomi yang dipacu oleh aktiviti pembuatan dan perkhidmatan sehingga menjadi negara pengeksport utama barangan elektrik dan elektronik. Pertumbuhan ekonomi negara berada secara purata pada sekitar 5.4 % sejak 2010, mengikut laporan Bank Dunia, dan dijangka mencapai transisi daripada sebuah ekonomi pendapatan pertengahan tinggi atas kepada sebuah ekonomi berpendapatan tinggi menjelang 2024.

Saudara dan saudari yang saya hormati,

### **PERTELINGKAHAN, KELALAIAN MEMBAWA KEHANCURAN**

13. Namun, janganlah kita leka dan terus “bercakaran” sesama sendiri kerana itu cenderung membawa kepada perpecahan dari segi perbezaan agama dan bangsa atau keturunan, atau dari segi wilayah. Jika kita saling sak mengesyaki antara satu sama lain dan asyik “berbentes” seperti kata Allahyarham Tok Nan maka tenaga dan pemikiran kita hanya di tumpukan untuk menidakkan dan mengalahkan pihak lawan.

14. Saya berasa agak sedih kerana kebelakangan ini negara tidak begitu berupaya untuk memfokuskan tenaganya untuk kemajuan keseluruhannya. Terdapat pemimpin-pemimpin yang kelihatan agak terdesak untuk menggunakan isu kaum dan agama yang boleh memecah belahkan masyarakat majmuk semata-mata untuk meraih sokongan politik. Sudah pastinya ini tidaklah baik untuk negara ketika dunia bergelut dengan pelbagai masalah khususnya pandemik Covid-19, berperangan dan perubahan iklim global. Satu negara sepatutnya bersatu untuk menghadapi semua permasalahan ini.

## **SARAWAK TERUS MELANGKAH BERANI**

15. Alhamdulillah, bagi Sarawak kestabilan politik dan keutuhan Kerajaan di bawah pentadbiran GPS telah memberi ruang kepada negeri kita untuk melakar hala tuju yang jelas dari segi pembangunan ekonomi, khususnya melalui Strategi Pembangunan Pasca-COVID 2030 atau PCDS 2030.

16. Sejak 2017, Kerajaan Negeri telah melaburkan agak banyak dana dari segi pembangun digital, infrastruktur di bandar dan luar bandar, sumber manusia dan pendidikan, penjana tenaga yang boleh diperbaharui, penyertaan dalam sektor minyak dan gas di

samping meneroka bidang-bidang baru khususnya ekonomi hijau, ekonomi hidrogen, perniagaan karbon dan CCS (*carbon capture storage*). Semua ini bertujuan untuk membolehkan ekonomi negeri ini berkembang dengan lebih pantas ke tahap yang tinggi supaya hasil negeri ini bertambah dan rakyat boleh mendapat pekerjaan dengan gaji yang lumayan.

17. Usaha berterusan juga dilakukan untuk menarik pelaburan dari luar negara dalam sektor industri yang berasaskan tenaga secara intensif dan penghiliran industri minyak dan gas seperti di Samalaju dan Tanjung Kidurong, Bintulu.

18. Minggu lepas saya telah mengetuai rombongan Kerajaan Sarawak ke Norway dan UK untuk meninjau perkembangan inisiatif CCS di sana dari segi teknologi dan juga perundangan.

19. Di Sweden pula rombongan saya telah meninjau industri tenaga di sana yang melibatkan pengagihan tenaga merentas sempadan negara kerana ini penting kepada Sarawak yang amat berpotensi menjadi pengeksport tenaga kepada negara-negara jiran.

20. Selain itu, khusus berkenaan WTE (Waste-To-Energy), yang signifikan dalam usaha mencari penyelesaian kepada sistem

pelupusan sampah buangan yang lebih mampan di Sarawak untuk menghasilkan tenaga hijau.

Saudara dan saudari yang saya hormati,

## **EKONOMI HIJAU, SEKTOR TENAGA PEMANGKIN EKONOMI SARAWAK**

21. Alhamdulillah, dengan perkembangan ekonomi Sarawak dalam tempoh enam tahun ini, pendapatan negeri sudah bertambah kepada satu setengah kali ganda kepada RM12 billion pada tahun lepas. Dan seperti yang kita sedia maklum, baru-baru ini Bank Dunia telah mengiktiraf Sarawak sebagai sebuah negeri berpendapatan tinggi dengan Pendapatan Negara Kasar (GNI) per kapita sebanyak RM61,442 atau USD13,205.

22. Namun, kita belum boleh bergembira sepenuhnya dengan pencapaian ini kerana pendapatan isi rumah rakyat pada tahap RM4,978 pada 2022, masih belum sampai ke tahap pada peringkat nasional. Saya amat berharap dengan perkembangan ekonomi negeri ini yang amat memberangsangkan pada kadar 6.5 % pada 2022, rakyat kita mempunyai peluang untuk meningkatkan pendapatan mereka sekali gus memperbaiki kedudukan

pendapatan isi rumah negeri ini berbanding tahap di peringkat nasional pada RM6,388 (*median household income*).

23. Saya amat yakin bahawa tumpuan Sarawak di bawah Kerajaan GPS ke arah memperkasakan ekonomi hijau dan pembangunan tenaga yang boleh diperbaharui akan menjadi tonggak utama kekuatan ekonomi negeri ini sehingga 2030 dan pada era seterusnya.

24. *The GPS government is not perfect as much as human beings are not perfect but let me give the reassurance that as Premier and supported by my colleagues in the Cabinet we will continue to strive to do our level best for Sarawak and its people. We are open to criticisms as long as they are constructive.*

Hadirin hadirat sekalian,

25. Sempena Sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini, marilah kita semua berusaha untuk memahami bahawa kepentingan negara mengatasi segala kepentingan yang lain. Negara memerlukan kerajaan yang kuat untuk menggalas tanggungjawab merencana hala tuju ekonomi yang jelas ke arah menjadikan

Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi supaya kemerdekaan memberi pengertian yang sebenarnya kepada kita.

26. Penghayatan perjuangan para pemimpin yang terdahulu bukan sekadar melaungkan slogan “Merdeka, Merdeka, Merdeka” kerana slogan tersebut pastiya mengingatkan kita kepada segala rintangan yang kita hadapi demi mencapai perpaduan kaum.

27. Semangat perpaduan dan semangat saling menghormati antara kaum seharusnya terus diperkukuhkan agar negara ini terus melangkah dengan yakin dan berani ke arah negara yang dihormati dan disegani di rantau ini dan di seluruh dunia.

Hadirin yang saya hormati,

## **PENUTUP**

28. Sebagai mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Tan Sri dan Puan Sri yang sudi hadir bersama rakyat jelata untuk memeriah dan memberi lebih makna kepada majlis Hari Kebangsaan pada hari ini.

29. Tahniah kepada Jawatan Kuasa Pengelola di bawah pimpinan Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah yang telah membuat persiapan rapi untuk menjayakan majlis yang penuh keceriaan ini.

30. Berbekalkan semangat patriotisme saya mahu mengajak anda semua untuk terus menyemarakkan keharmonian yang dikecapi selama ini demi Negara yang tercinta.

Sekian, Salam Sarawak Maju Makmur, Salam Malaysia Madani

Selamat Hari Kebangsaan yang Ke-66.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.